

Dasar gred tunggal kukuhkan kartel?

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**

aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pengenalan beras putih Malaysia Madani tidak akan dapat mengekang tindak-tanduk kartel daripada memanipulasi ekosistem pembekalan dan pengedaran makanan rui rakyat itu.

Malah, Fellow Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datin Dr. Fatimah Mohamed Arshad berpendapat, dasar gred tunggal beras hanya akan mengukuhkan 'kuasa' kartel.

Menurutnya, pengenalan

beras putih Malaysia Madani akan meletakkan industri berada dalam keadaan bahaya dan menjejaskan pesawah kerana polisi tersebut tidak bersifat strategik.

“Sekarang cengkaman kartel dilihat terlalu kuat sehinggalah kerajaan tidak boleh buat apa-apa, maknanya peniaga dan pengilang mampu mewujudkan kartel serta mencampurkan beras sesuka hati mereka,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas cadangan kerajaan untuk kembali mengawal selia urusan beras negara sepertimana Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang dimansuhkan pada 1996 bagi

memerangi isu kartel.

Kerajaan sebelum ini bercaadang mewujudkan beras putih Malaysia Madani bagi membantu negara memerangi kartel.

Fatimah yang juga Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara berkata, menteri yang dipertanggungjawabkan dalam isu bekalan beras perlu memahami permasalahan sebenar dihadapi.

Beliau turut menasihati kerajaan agar berhati-hati dalam menerima cadangan untuk mengambil pendekatan sama seperti LPN bagi menangani isu kartel dalam industri beras.

“Kita kena berhati-hati sebab dulu apabila LPN ditubuhkan dan diberi kuasa penuh untuk

mengemudi sektor tersebut termasuk merancang polisi, pembangunan serta program tetapi apabila lembaga tersebut menjadi betul-betul kuat, banyak isu kartel dan korupsi wujud.

“Skop dan tugas sekiranya mahu wujudkan seperti LPN kembali perlu ditulis dengan jelas iaitu bagi memantau struktur dan tidak terlibat dengan perniagaan beras sebab jika terlibat maka akan berulang semula kisah lamanya,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau mendakwa industri beras sudah terlalu sarat kerana strukturnya dari pengimportan beras sehingga pengagihan sangat berpusat, hanya beberapa pemain industri menguasai pasaran.